



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

[GAMBAR HIASAN]

Ramai mahasiswa lebih cenderung melayan pelbagai aplikasi gajet daripada bersosial secara langsung.

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kemahiran berkomunikasi perlu sentiasa diasah

Sikap kurang berkomunikasi dengan pensyarah, pasif sewaktu kuliah dan tidak bergiat dalam aktiviti sosial menyebabkan sebilangan mahasiswa gagal menguasai kemahiran insaniah diperlukan apabila tamat pengajian.

Pensyarah Perhubungan Awam di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Siti Faidul Maisarah Abdullah, 32, berkata hasil kajian

mendapati kemahiran berkomunikasi golongan itu, sama ada dalam bahasa Melayu mahupun Inggeris, adalah kurang memberangsangkan.

Katanya, percakapan mereka dilihat sukar meyakinkan, termasuk tidak bijak menggunakan perkataan atau ayat bersesuaian dan tiada keberanian melontarkan pandangan.

Sukar kenal pasti
Beliau yang juga
Penyelaras Kampus

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Rembau berkata, sikap mahasiswa kurang berkomunikasi menyebabkan pensyarah tidak dapat mengenal pasti tahap kebolehan sebenar mereka dalam aspek itu, sekali gus sukar membantu mengatasi kelemahan dihadapi.

“Ketika masih belajar, mahasiswa mungkin berasa tidak begitu penting untuk berkomunikasi atau memperbaiki tahap kemahiran lisan mereka.

“Bagaimanapun, keadaan akan menjadi sukar apabila mereka ingin mencari kerja dan menghadiri temu duga nanti,” katanya ketika dihubungi.

Siti Faidul Maisarah berkata, justeru kemahiran mahasiswa menguasai komunikasi berkesan perlu sentiasa diasah, termasuk melalui kursus dan bengkel khas serta pembabitan dalam aktiviti pembelajaran dan riadah secara berkumpulan.

Tugasan di luar kampus
Katanya, pergaulan luas dapat membantu mereka

lebih yakin melontarkan pandangan, selain bekerjasama dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam konteks berkaitan, beliau berkata, bidang perhubungan awam mengandungi silibus yang memerlukan mahasiswa menemu ramah pihak di luar kampus untuk menyelesaikan tugas.

“Mereka perlu menggunakan kemahiran berkomunikasi untuk berurusan dan memperoleh maklumat. Tugas di luar kampus sebegini mampu melatih penguasaan kemahiran berkomunikasi, meningkatkan keyakinan diri dan memperluas pergaulan mahasiswa,” katanya.



Mahasiswa lebih menumpukan perhatian terhadap gajet daripada bersosial secara langsung

Siti Faidul Maisarah Abdullah,
Pensyarah Perhubungan Awam, UiTM Kampus Rembau

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

